

Mahathir: Perkataan 'baru' pada UMNO tak perlu sebut

BANGI 16 Julai — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan perkataan 'baru' pada nama UMNO (baru) tidak perlu disebut kerana parti itu tidak berbeza dengan UMNO yang telah diisytiharkan tidak sah.

"Walaupun ia didaftarkan atas nama UMNO (baru), sebut UMNO saja sudahlah, tidak ada bezanya antara kedua-dua parti itu, ia dianggotai oleh orang yang sama," kata Perdana Menteri.

Isu mengenai penggunaan perkataan 'baru' dalam nama UMNO (baru) digembar-gemburkan oleh kalangan tertentu baru-baru ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang menjawab beberapa pertanyaan para wartawan selepas merasmikan syarikat pengeluaran makanan bumiputera, Dewana Food Industries Sdn. Bhd., di sini hari ini juga menyifatkan pilihanraya kecil Johor Baharu pada 25 Ogos depan tidak apa-apa keistimewaan atau kelainan dengan pilihanraya - pilihanraya kecil yang lain.

"Ia hanya satu pilihanraya kecil, ia tidak berbeza dengan yang lain. Kita mengadakannya kerana ada orang meletakkan jawatan.

"Bila orang berhenti,

jadi pilihanraya kecil diadakan," tambah beliau ketika ditanya kedudukan dan kesan daripada pilihanraya kecil itu.

Menjawab satu pertanyaan lain tentang tuntutan kenaikan gaji kakitangan awam dalam belanjawan negara 1989 akan datang, Perdana Menteri berkata, ia bergantung kepada kedudukan kewangan kerajaan.

LIHAT MUKA 11

Perkataan 'baru' pada UMNO tak perlu sebut

"Kita terpaksa tengok kedudukan kewangan kerajaan, saya tak boleh beri penilaian sekarang kerana perkara ini terletak di bawah Kementerian Kewangan," ujar beliau.

Bila diminta mengulas tentang tuntutan Majlis Peguam Malaysia supaya Pemangku Ketua Hakim Negara, Tan Sri Hamid Omar meletakkan jawat-

an, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "No komen."

Sebelum itu di dalam ucapan perasmianya, Perdana Menteri menyeru pengusaha tempatan merebut peluang mengeksport makanan tempatan yang sudah diproses ke Eropah.

Menurutnya, negara ini mempunyai masakan-masakan yang berbeza dari tiga kaum utama-

nya, oleh itu tidak ada sebab mengapa makanan tempatan tidak boleh diekspor.

"Masyarakat Timur sudah lama mengenali 'steak' dan 'Chicken Chop' masyarakat Eropah juga sudah mengenali kari dan tomyam.

"Oleh itu terdapat potensi besar untuk makanan tempatan dipasarkan di luar negeri, kita kena

rebut peluang ini. Cuma yang penting ialah cara kita menguruskannya dan memastikan bekalan yang berterusan," tambah beliau lagi.

Katanya, banyak bawahan tempatan khususnya kraftangan telah mendapat sambutan baik di luar negeri tetapi apabila permintaan bertambah, keadaan bekalan tidak dapat disediakan.

"Saya berharap perkara seperti ini tidak berlaku ke atas kilang-kilang lain di negara ini," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

Dewana Food Industries yang merupakan usahasama dengan syarikat Jepun ini memasarkan makanan siap seperti kuah sate, kari daging, serunding dan kari ayam atas jenama, 'Brahim's Asian Food.'